



**KESAN MODUL *BOROS MAAN* BERASASKAN
MULTIMEDIA INTERAKTIF TERHADAP
PENCAPAIAN KOSA KATA MURID**



TRACY VALERIAN

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021**



KESAN MODUL *BOROS MAAN* BERASASKAN MULTIMEDIA INTERAKTIF
TERHADAP PENCAPAIAN KOSA KATA MURID

TRACY VALERIAN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1**Sila tanda (/)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**Perakuan ini telah dibuat pada 13/08/2021**i. Perakuan pelajar :**

Saya, Tracy Valerian (M20182002119) Fakulti Bahasa Dan Komunikasi dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Kesan Modul *Boros Maan* Berasaskan Multimedia Interaktif Terhadap Pencapaian Kosa Kata Murid adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apaapa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya Dr. Norjieta Bt. Taisin dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Kesan Modul *Boros Maan* Berasaskan Multimedia Interaktif Terhadap Pencapaian Kosa Kata Murid dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Bahasa Kadazandusun).

15/08/2021

Tarikh

DR. NORJIETA JULITA BT. TAISIN
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Tandatangan Penyelia



UPSI/PS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s: 1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Kesan Modul Boros Maan Berasaskan Multimedia Interaktif
Terhadap Pencapaian Kosa Kata Murid

No. Matrik / Matric's No.: M20182002119

Saya / I: Tracy Valerian
 (Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
 acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Tracy
 (Tandatangan Pelajar/ Signature)

DR. NORJIETTA JULITA BT. TAISIN
 Pensyarah Kanan
 Fakulti Bahasa dan Komunikasi
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 Nama, Dr. Julita Norjietta
 (Tandatangan / Signature of Supervisor)
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 15/08/2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan keizininannya saya telah berjaya menyelesaikan penyelidikan ini bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Pendidikan (Bahasa Kadazandusun) Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2021. Saya amat berterima kasih kepada orang perseorangan dan pihak-pihak tertentu yang banyak membantu dalam proses menyiapkan penyelidikan ini. Pertama, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khas buat pensyarah penyelia saya Dr. Norjieta yang banyak memberi bantuan dan bimbingan sepanjang proses pembikinan penyelidikan ini. Begitu juga Prof. Madya Dr. Adenan selaku penilai dalam yang banyak memberikan tunjuk ajar serta teguran yang membina kepada saya. Teristimewa buat doa, pengorbanan dan dorongan yang tidak berbelah bagi kepada insan tersayang ibu Pn Jalinah Godong dan bapa saya En Valerian Sambi serta adik-adik yang banyak membantu serta memberikan sokongan kepada saya. Tidak lupa juga, terima kasih diucapkan kepada pihak Institusi Pengajian Siswazah UPSI, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Jabatan Pendidikan Negeri, sekolah dan guru-guru yang terlibat atas layanan dan kerjasama yang cukup baik kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Semoga Tuhan membalas segala jasa baik kalian dengan kebaikan. Kepada individu lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, terima kasih saya ucapkan. Akhir kata, semoga hal ini menjadi pendorong kepada generasi berikutnya untuk mencapai kejayaan. Terima kasih semua.

TRACY VALERIAN,
KG. PAPAR BARU, KENINGAU, SABAH.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau kesan modul *Boros Maan* terhadap pencapaian kosa kata murid tahun empat. Reka bentuk kajian kuantitatif berasaskan kaedah kuasi eksperimen dilakukan dalam penyelidikan ini. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara tidak rawak. Seramai 40 orang murid tahun empat yang terlibat iaitu 20 orang murid lelaki dan 20 orang murid perempuan. Lokasi kajian terletak di daerah Tambunan. Data dianalisis dengan menggunakan analisis statistik deskriptif skor min dan sisihan piawai. Analisis inferens menggunakan Ujian-t Berpasangan. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca dalam pencapaian kosa kata murid. Skor min ujian pra murid ialah 35.63 ($SP = 13.98$) manakala ujian pasca ialah 85.70 ($SP = 14.57$). Bagi data inferens, $t = 19.5$ ($df = 39$) dengan paras signifikan bawah 0.05. Jelas bahawa terdapat peningkatan pencapaian murid dalam kosa kata pada ujian pasca. Implikasi kajian memaparkan bahawa modul *Boros Maan* yang berasaskan multimedia interaktif menyumbang kepada peningkatan pencapaian kosa kata, dan sesuai dijadikan bahan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.



THE EFFECT OF *BOROS MAAN* MODULE BASED ON INTERACTIVE MULTIMEDIA ON STUDENT'S VOCABULARY ACHIEVEMENT

ABSTRACT

This study aims to examine the effects of *Boros Maan* module on the vocabulary achievement of Standard Four students. A quantitative study design-based on quasi - experimental methods was performed in this research. The selection of study subjects was conducted non -randomly. A total of 40 Standard Four students were involved, which consists of 20 male students and 20 female students. The location of the study is located in Tambunan district. Data were analyzed using descriptive statistical analysis of mean scores and standard deviations. The analysis of inference was done by using Paired t-Test. The results showed that there was a significant difference between pre - test and post -test in students' vocabulary achievement. The mean score of the pre - student test was 35.63 (SP = 13.98) while the post -test was 85.70 (SP = 14.57). For inferential data, $t = 19.5$ (df = 39) with a significance level below 0.05. It is clear that there was an improvement in student achievement in vocabulary on the post -test. The implications of the study showed that the interactive multimedia -based *Boros Maan* module contributes to the improvement of vocabulary achievement, and is suitable to be utilized as a Kadazandusun language learning material.



ISI KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN v

ABSTRAK vi

ABSTRACT vii

KANDUNGAN viii

SENARAI JADUAL xiii

SENARAI RAJAH xv

SENARAI SINGKATAN xvi

SENARAI LAMPIRAN xvii

Bab 1 Pengenalan

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar belakang 2

1.3 Pernyataan Masalah 11

1.4 Objektif Kajian 18

1.5 Soalan Kajian 19

1.6 Hipotesis Kajian 19

1.7 Kepentingan Kajian 20



1.7.1 Guru	20
1.7.2 Sekolah	21
1.7.3 Kementerian Pendidikan Sekolah	22
1.7.4 Murid	23
1.7.5 Penggubal Kurikulum Bahasa Kadazandusun	23
1.7.6 Kajian Lanjutan	24
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	25
1.9 Kerangka Teoretikal	26
1.10 Batasan Kajian	28
1.11 Definisi Operasional	30
1.11.1 Modul Boros Maan	30
1.11.2 Pencapaian	31
1.11.3 Kosa Kata	31
1.11.4 Bahasa Kadazandusun	32
1.11.5 Ujian pra	33
1.11.6 Ujian Pasca	33
1.12 Kesimpulan	34

Bab 2 Tinjauan Literatur

2.1 Pendahuluan	35
2.2 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Kadazandusun Tahun Empat	36

2.3 Bahasa Etnik Kadazandusun	38
2.4 Teori Pembelajaran	41
2.4.1 Teori Kognitif	41
2.5 Elemen Modul Pembelajaran Berasaskan Multimedia Interaktif	46
2.5.1 Teks	46
2.5.2 Grafik	47
2.5.3 Animasi	47
2.5.4 Audio	48
2.5.5 Hyperlink	49
2.6 Kajian-kajian lepas	50
2.7 Kesimpulan	86

Bab 3 Metodologi

3.1 Pendahuluan	88
3.2 Modul Boros Maan	89
3.3 Reka Bentuk Kajian	91
3.4 Sampel Dan Lokasi Kajian	95
3.5 Instrumen Kajian	98
3.5.1 Set Soalan Ujian Pra Dan Ujian Pasca	98
3.5.2 Perisian Multimedia Interaktif	99
3.6 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	100

3.7 Kajian Rintis	102
3.8 Prosedur Pengumpulan Data	104
3.9 Penganalisan Data	108
3.10 Kesimpulan	112

Bab 4 Dapatan Kajian

4.1 Pendahuluan	113
4.2 Latar Belakang Responden	114
4.3 Perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Murid	115
4.3.1 Markah Ujian Pra Murid	116
4.3.2 Markah Ujian Pasca Murid	120
4.3.3 Statistik Deskriptif Peningkatan Pencapaian Murid Sebelum dan Selepas Menggunakan Modul Boros Maan Berasaskan Multimedia Interaktif	125
4.4 Perbezaan Min Pencapaian Murid dalam Kosa Kata Bahasa Kadazandusun sebelum (Ujian Pra) dan selepas (Ujian Pasca) Guru Menggunakan Modul Boros Maan Berasaskan Multimedia Interaktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran	128
4.5 Kesimpulan	130

Bab 5 Perbincangan, Implikasi, Cadangan dan Rumusan

5.1 Pendahuluan	131
5.2 Ringkasan Kajian	132

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	132
5.4 Implikasi Kajian	145
5.5 Cadangan	152
5.6 Kesimpulan	159
RUJUKAN	161
LAMPIRAN	170

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Analisis Keputusan SPM 2018-2019	13
1.2	Pencapaian Keseluruhan Dalam Penulisan	14
3.1	Reka Bentuk Kuasi Eksperimen	92
3.2	Nilai Pekali Kebolehpercayaan <i>Cronbach's Alpha</i>	102
3.3	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	103
3.4	Pelaksanaan Kajian	104
3.5	Prosedur Pelaksanaan Pengumpulan Data Ujian Pra	105
3.6	Prosedur Pelaksanaan Pengumpulan Data Ujian Pasca	106
3.7	Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran Kosa Kata	107
3.8	Jadual Analisis Data	111
4.1	Latar Belakang Responden	114
4.2	Gred Dan Markah Di Sekolah Malaysia	115
4.3	Markah Ujian Pra Murid	117
4.4	Julat Skor Ujian Pra	120
4.5	Markah Ujian Pasca Murid	121
4.6	Julat Skor Ujian Pasca	124
4.7	Analisis Ujian-t Berpasangan	128



5.1	Analisis Statistik Deskriptif Ujian Pra	133
5.2	Analisis Statistik Deskriptif Ujian Pasca	139
5.3	Analisis Ujian-t Berpasangan	142



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual	25
1.2	Kerangka Teoretikal	26
3.1	Reka Bentuk Kajian Kesan Modul <i>Boros Maan</i> Berasaskan Multimedia Terhadap Kebolehcapaian Dalam Kosa Kata.	94
3.2	Formula Pengiraan Julat	95
4.1	Skor Keseluruhan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Murid	127



SENARAI SINGKATAN

PdP	Pengajaran Dan Pembelajaran
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
Abm	Alat Bantu Mengajar
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
BKD	Bahasa Kadazandusun
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
CALL	<i>Computer Assisted Language Learning</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Statistik Deskriptif Peningkatan Peratus Pencapaian Murid Sebelum Dan Selepas Menggunakan Modul Boros Maan Berasaskan Multimedia Interaktif
- B Panduan Menggunakan Modul Boros Maan Berasaskan Multimedia Interaktif
- C Modul Boros Maan Berasaskan Multimedia Interaktif
- D Borang Penyelidikan
- E Surat Pelantikan Pakar
- F RPH 1 (Palan Pongia'an Sangadau 1)
- G RPH 2 (Palan Pongia'an Sangadau 2)
- H Biodata Pakar Bahasa Kadazandusun dan Guru Pembantu



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, dan pernyataan masalah kajian. Pengenalan merupakan gambaran awal terhadap kajian dan isu-isu yang dijalankan. Dalam bab ini juga mengandungi tiga objektif kajian dan tiga soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual, kerangka teoretikal, kepentingan kajian dan batasan kajian. Selain itu, istilah operasi yang digunakan dalam kajian ini akan dihuraikan dengan ringkas pada penghujung bab untuk tujuan lebih pemahaman mengenai bab ini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan teknologi multimedia berkembang pesat pada masa ini. Masyarakat juga telah mengalami transformasi dalam kehidupan dan telah menjadi masyarakat yang dominan dalam bidang teknologi multimedia. Penggunaan teknologi multimedia telah mendatangkan banyak kebaikan dalam bidang pendidikan. Teknologi multimedia telah diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan. Menurut Kamarul Azman (2011), penggunaan teknologi multimedia boleh merangsang dan mendorong murid untuk belajar dengan lebih baik, cepat dan berkesan. Selain itu juga, multimedia berpotensi sangat besar dalam pendidikan abad ke-21 kerana mampu mengubah cara seseorang belajar dan cara memperoleh maklumat. Penggunaan teknologi multimedia turut menyediakan pelbagai peluang kepada para pendidik untuk mempelbagaikan kaedah atau teknik pengajaran yang menarik agar murid tidak merasa jemu semasa sesi PdP dijalankan. Menurut Abdul Rasid (2012), penggunaan teknologi multimedia mampu mencetuskan daya fikir murid dalam melahirkan buah fikiran baharu yang dapat memberi kefahaman atau pembelajaran baharu kepada mereka.

Buat masa ini revolusi drastik terhadap teknologi digital berasaskan multimedia dapat memberikan dorongan kepada para pendidik untuk lebih futuristik dalam mencorak sahsiah kepada murid dengan sikap kebertanggungjawab menyalurkan ilmu kepada mereka. Minat murid terhadap sesuatu mata pelajaran juga dapat dipupuk

sekiranya penggunaan multimedia diintegrasikan dalam proses Pdp, kerana elemen-elemen multimedia seperti grafik, teks, audio dan animasi akan menjadikan proses Pdp lebih menyeronokkan serta murid akan mudah memahami sesuatu pelajaran yang diajar oleh pendidik mereka sekaligus menjadikan pembelajaran murid berjalan dengan lancar dan baik.

Pengintegrasian multimedia di dalam bilik darjah berupaya meningkatkan kualiti pendidikan, walau bagaimanapun interaksi muka ke muka di antara guru dan murid juga sangat penting untuk pembelajaran yang berkesan. Penggunaan multimedia pula sebagai alat bantu mengajar memudahkan guru dan murid terutamanya dalam mempelajari bahasa serta turut menyediakan peluang untuk murid mempelajari kaedah ini. Vaughan (2014) menyatakan penggunaan teknologi multimedia juga merupakan medium komunikasi dan interaksi yang efektif dan positif kerana elemen-elemen multimedia seperti video, audio, teks serta animasi yang pelbagai warna dan corak mampu dipaparkan di atas skrin pada masa yang sama. Oleh itu, gabungan elemen-elemen multimedia seperti yang dinyatakan mampu merangsang minda murid dalam menerima sesuatu maklumat atau pun pengetahuan yang baharu dengan cepat tanpa rasa jemu.

Di samping itu, dengan keaktifan murid menggunakan multimedia dalam pembelajaran mereka, sudah tentu murid juga akan memperoleh manfaat yang amat

besar yang mana dalam masa sama menjadikan mereka bijak dalam menggunakan multimedia serta mampu berdaya saing dengan murid-murid pintar dari serata dunia ini (Fariza, 2014). Oleh hal yang demikian, adalah sangat penting untuk para pendidik memberikan peluang kepada murid untuk meneroka aplikasi multimedia ini demi manfaat bersama.

Bentuk persembahan multimedia turut dapat diaplikasikan kepada pelbagai format contohnya seperti graf, peta minda, animasi, permainan video pembelajaran, persembahan Power Point serta video pembelajaran di mana bentuk-bentuk persembahan multimedia tersebut dapat membantu fungsi kognitif murid dalam mengenal pasti maklumat yang penting dan bermakna melalui integrasi teks dan visual bergambar (Ashfahani et al. 2015). Sehubungan dengan itu, pembelajaran melalui teknologi multimedia turut membolehkan murid menyusun maklumat yang diperolehi dengan lebih teratur dan sistematik.

Bahasa Kadazandusun perlu dipandang serius dengan penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran meski pun mata pelajaran tersebut hanya merupakan mata pelajaran elektif di sekolah. Hal ini berhubung dengan isi pelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Kadazandusun yang mengandungi elemen yang sukar difahami dan diingati oleh murid melalui teknik tradisional. Pengajaran melalui teknik tradisional adalah sukar sekiranya tidak menggunakan alat bantu mengajar (abm) yang sesuai seperti

multimedia. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh Jantan (2016) yang menyatakan pembudayaan saintifik, pengetahuan baharu, pencetusan idea kreatif dan inovatif serta penyebaran maklumat dapat dikembangkan dengan adanya pengurusan PdP yang dinamik dan sistematik. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab seorang guru untuk membangunkan strategi PdP yang bersesuaian dengan tahap pembelajaran murid kerana keberkesanan proses PdP bergantung kepada gaya PdP yang dilaksanakan oleh guru.

Penggunaan alat bahan bantu mengajar yang sesuai dalam bilik darjah dapat memberikan pelbagai manfaat dan faedah bukan sahaja kepada murid bahkan kepada guru. Proses penyediaan alat bahan bantu mengajar terhadap sesuatu topik yang akan diajar juga dapat meningkatkan pengetahuan, terutamanya apabila menggunakan multimedia. Hal ini turut disokong oleh kenyataan Noordin dan Zainal Abiden (2010) yang menyatakan penghasilan pelbagai abm yang sesuai dari guru dapat menjana idea yang bernas untuk menentukan aktiviti yang lebih kreatif semasa proses PdP. Tambahan pula, penggunaan abm yang berinovasi berpotensi untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman murid serta berkesan terhadap proses PdP.

Penggunaan teknik tradisional iaitu kaedah pengajaran *Chalk and Talk* dalam proses PdP tanpa menggunakan abm yang sesuai menjadi faktor utama murid tidak memahami apa yang disampaikan oleh guru (Norjietta Taisin, 2017). Kaedah



pengajaran *Chalk and Talk* di mana guru berperanan sebagai tenaga pengajar yang utama dan murid hanya menerima dan mendengar maklumat yang disampaikan oleh guru (Faridah, 2013). Oleh itu, guru haruslah merancang PdP yang menarik dan berinovasi agar tidak ketinggalan dalam menggunakan teknologi multimedia yang ada selaras dengan kemajuan ICT pada masa kini dan menggunakan kesempatan ini untuk mempelajari atau meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi multimedia serta tidak hanya tertumpu kepada teknik tradisional.

Pada era ledakan maklumat ini, teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT sangat penting. Teknologi telah menguasai dunia ini. Hampir setiap kali orang menggunakan teknologi ini dan dengan teknologi itu, kita dapat mengawal dan mengawal hampir semua perkara di hujung jari kita. Kemajuan ICT ini membawa banyak faedah kepada individu, masyarakat dan negara. Sesuatu yang dicipta atau diciptakan pasti akan membawa kebaikan dan keburukan. Perkara yang baik tentunya lebih bermanfaat bagi pengguna. Begitu juga ICT. Kemajuan ICT telah menyumbang kepada peningkatan pengurusan dan pentadbiran negara dengan lebih sistematik dan teratur (A. Razak Ahmad, 2011).

Kewujudan teknologi maklumat ini telah memudahkan perniagaan dalam semua bidang pentadbiran, pengurusan, penyiaran dan media, telekomunikasi, komunikasi, dan semua bidang. Bidang pendidikan tidak ketinggalan. Kewujudan ICT telah





membantu dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P). Sistem pendidikan di sekolah dikembangkan oleh ICT dan mewujudkan sekolah pintar. Murid mendapat maklumat dari seluruh dunia melalui internet untuk melakukan projek atau projek di sekolah. Murid akan belajar dengan sebaik mungkin dan melahirkan generasi yang celik komputer. Pendidikan di sekolah atau institusi lebih kepada pendidikan jarak jauh. Peluang pendidikan semakin bertambah, selain penjimatan kos. Murid pintar dan berpengetahuan teknologi maklumat tidak dibatasi oleh faktor kelas dan usia. Ini telah melahirkan lebih ramai sarjana (A. Razak Ahmad, 2011). Melalui penyatuan ICT, beberapa perubahan dan pendekatan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Antaranya ialah peralihan fokus dari pengajaran berpusatkan guru kepada pengajaran berpusatkan murid. Menurut Jamaludin et al., (2003) juga, penggunaan ICT sudah semestinya mendatangkan kebaikan kepada murid di dalam pendidikan. Penggunaannya dapat mengatasi kelemahan serta masalah yang dihadapi di dalam proses pengajaran biasa di dalam kelas yang dilaksanakan secara tradisi.

Bahasa Kadazandusun mula mendapat pengiktirafan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 1997. Percubaan pengajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah kerajaan dilaksanakan pada tahun 1997 di mana pelaksanaan tersebut bermula di lima buah sekolah seluruh negeri Sabah yang hanya melibatkan murid-murid tahun 4. Bagi melaksanakan pengajaran Bahasa Kadazandusun, 15 orang guru telah dihantar bagi mewakili sekolah masing-masing untuk mengikuti latihan yang





diberikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Pengajaran Bahasa Kadazandusun telah diperluaskan di 147 buah sekolah rendah oleh Jabatan Pendidikan Negeri pada tahun 1998 bagi murid-murid Tahun 4 yang mana belanjawan diperlukan untuk mengendali pengajaran tersebut adalah tanggungjawab Pusat Perkembangan Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, mata pelajaran Bahasa Kadazandusun mula ditawarkan dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2010 dan bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2011 oleh Kementerian Pelajaran.

Pembelajaran Bahasa Kadazandusun mula dilaksanakan ke tahap lebih tinggi menerusi tawaran pengajian ijazah sarjana muda. Pengajian program minor Bahasa Kadazandusun telah diperkenalkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris dan pada tahun 2012 pula Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Kent telah memulakan pengambilan pertama Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (Kepujian) Bahasa Kadazandusun (Pendidikan Rendah) (Eddy, 2018). Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa ibunda iaitu Bahasa Kadazandusun hanya dituturkan dalam kalangan orang dewasa manakala bagi kanak-kanak dan remaja pula menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa harian mereka (Rosneh, 2013). Keadaan ini menyebabkan masyarakat Kadazandusun turut dianggap sebagai masyarakat dwibahasa kerana menggunakan dua bahasa sebagai bahasa pertuturan, iaitu Bahasa Kadazandusun dan Bahasa Melayu.





Kurikulum murid tahap dua Bahasa Kadazandusun memberikan fokus pengukuhan dan aplikasi 3M dan menaakul, mempunyai kemahiran asas TMK, perkembangan sosioemosi, kerohanian, fizikal, sikap dan nilai (Kurikulum BKD, 2010). Walau bagaimanapun, pendagogi guru tidak selaras dengan kurikulum Bahasa Kadazandusun iaitu mempunyai kemahiran asas TMK kerana pendagogi hanya tertumpu kepada penggunaan strategi pengajaran tradisional di dalam bilik darjah meskipun kini berada dalam pembelajaran abad ke-21. Menyedari bahawa pembelajaran Bahasa Kadazandusun melalui strategi pengajaran tradisional sudah lama digunakan, maka sudah tiba masanya untuk mengaplikasikan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Seperti yang ditekankan oleh Ashfahani (2015), penggunaan ICT dapat membantu fungsi kognitif individu dalam mengenal pasti maklumat yang penting dan bermakna. Menurut Harlina, Zubaidah dan Ainee Ahmad (2017) turut menyatakan bahawa bagi memastikan proses pembelajaran berlangsung dengan lebih kondusif dan sesuai dengan keperluan pembelajaran abad ke-21, sedikit perubahan pedagogi pengajaran perlu dilakukan. Perkara ini juga seiring dengan perkembangan teknologi yang telah ditetapkan dalam anjakan ketujuh melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) untuk memanfaatkan teknologi maklumat dalam proses pembelajaran di seluruh Malaysia (KPM, 2013).

Bahasa Kadazandusun diajar sebagai salah satu mata pelajaran elektif di sekolah rendah sejak tahun 1997. Meski pun begitu, Bahasa Kadazandusun sangat



penting untuk dipelajari sejak dibangku sekolah lagi agar bahasa ini tidak hilang di telan zaman. Isu penting di sini ialah cara murid dapat memahami ketika mempelajari bahasa ini di sekolah sekiranya hanya menggunakan strategi pengajaran tradisional secara *Chalk and Talk* atau hanya bergantung dengan membaca buku teks kerana murid mempunyai tahap pemahaman yang berbeza dan kekurangan bahan bantu mengajar boleh menyebabkan murid tidak dapat memberikan perhatian sepenuhnya semasa sesi PdP. Oleh itu, kekreatifan menggunakan teknologi multimedia pada masa kini semasa proses PdP sangat dititik beratkan dan pendidik seharusnya tidak bergantung sepenuhnya terhadap penggunaan strategi pengajaran tradisional di dalam kelas kerana strategi tersebut sudah berkurun lama digunakan. Tumpuan kajian ini lebih memfokuskan kesan multimedia terhadap pembelajaran kosa kata dalam Bahasa Kadazandusun.

Walaupun teknologi multimedia berpotensi dalam meningkatkan pemahaman murid dalam PdP Bahasa Kadazandusun, pendidik harus memilih atau membangunkan persembahan komputer yang sesuai untuk memudahkan murid memahami sesuatu pelajaran. Maka cadangan yang dicadangkan ini, kajian diperlukan untuk mengkaji bagaimana mengintegrasikan teknologi multimedia terkini dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun selaras dengan fokus kurikulum BKD murid tahap 2.

Dalam kajian ini, bahan pembelajaran modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif merupakan satu bahan pembelajaran untuk mengembangkan kosa kata murid terutama sekali dalam kata kerja Bahasa Kadazandusun dengan menggunakan teori kognitif multimedia agar murid dapat menyimpan segala maklumat yang diterima dalam memori jangka panjang. Sehubungan dengan itu, kajian ini cuba untuk merancang pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi multimedia selaras dengan aspirasi ketujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan. Kesimpulannya, pelaksanaan mata pelajaran BKD di sekolah merupakan peluang yang baik sama ada bagi murid, ibu bapa, guru dan pihak sekolah kerana BKD merupakan salah satu bahasa harian yang digunakan oleh majoriti penduduk daerah Tambunan. Oleh itu, pendidik harus mengambil inisiatif untuk merancang pengajaran dan pembelajaran BKD yang sesuai untuk murid tahap 2 dengan menggunakan teknologi multimedia.

1.3 Pernyataan Masalah

Dialek Bundu Liwan merupakan bahasa piawai yang digunakan dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah termasuk dalam buku teks dan buku aktiviti. Pelaksanaan bahasa piawai dalam Bahasa Kadazandusun menyebabkan murid



mengalami kesukaran dalam menguasai mata pelajaran tersebut khususnya dalam kosa kata meski pun bahasa tersebut merupakan bahasa ibunda. Kaedah kuasi digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian ialah murid tahun empat. Seramai 40 orang murid terlibat dalam kajian ini. Data dianalisis secara deskriptif dan inferens. Tinjauan awal mendapati murid seperti tidak biasa menggunakan bahasa Kadazandusun dan lebih selesa menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi di antara sesama mereka. Keadaan seperti ini akan menyebabkan murid tidak memahami apa yang akan diajar oleh guru dan sekali gus akan mempengaruhi pencapaian murid dalam peperiksaan terutama sekali dalam peperiksaan besar seperti PMR dan SPM sekiranya berada di bangku menengah nanti. Selain itu, pengambilan mata pelajaran Bahasa Kadazandusun juga turut berkurang. Hal ini disokong oleh Minah Sintian (2013) yang menyatakan peratusan pencapaian pelajar yang mengambil mata pelajaran tersebut menurun sebanyak 2.61% dari 98.4% pada tahun 2012. Jadual 1.1 pula menunjukkan analisis keputusan SPM pada tahun 2018-2019.



Jadual 1.1

Analisis Keputusan Pencapaian SPM 2018-2019

Kod	Mata Pelajaran	Peratusan Calon					
		Tahun	Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+ → E	Gagal G
6357	Bahasa Kadazandusun	2019	32.9	41.6	21.7	96.2	3.8
		2018	32.4	41.7	24.1	98.2	1.8
		Beza	0.5	-0.1	-2.4	-2.0	2.0

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2019)

Daripada analisis keputusan pencapaian SPM (2018-2019) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, menunjukkan peratusan calon yang cemerlang pada tahun 2018 adalah 32.4% dan meningkat sebanyak 0.5% kepada 32.9% pada tahun 2019. Walau bagaimana pun, berlaku penurunan gred daripada 98.2% kepada 96.2% pada tahun 2019. Selain itu, peratusan calon gagal dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun juga meningkat sebanyak 2.0% daripada 1.8% pada tahun 2018 kepada 3.8% pada tahun 2019. Berdasarkan analisis keputusan SPM tersebut, jelas bahawa keputusan SPM pada tahun 2019 kurang memuaskan kerana berlakunya penurunan. Situasi ini telah mendorong pengkaji untuk meneliti lebih terperinci faktor yang menyebabkan kemerosotan pencapaian tersebut. Keadaan ini juga memberi gambaran bahawa murid tidak menguasai kosa kata asas dalam mata pelajaran Bahasa

Kadazandusun yang sepatutnya murid perlu kuasai seawalnya diperingkat sekolah rendah lagi. Kosa kata yang dimiliki oleh murid adalah lemah disebabkan kegagalan untuk membina penguasaan makna tersebut. Murid tidak memahami makna setiap perkataan yang ditulis dan diucapkan dalam Bahasa Kadazandusun sehingga menimbulkan kekeliruan. Jadual 1.2 pula menunjukkan pencapaian keseluruhan dalam penulisan.

Jadual 1.2

Pencapaian keseluruhan dalam penulisan

Kaum	Cemerlang	Sederhana	Lemah	Jumlah
Cina	28	92	13	133
India	8	32	10	50
Iban	6	55	4	65
Kadazan	8	18	3	29

Sumber: Norsimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakar dan Nor Hashimah Jalaluddin (2012)

Daripada jadual 1.2 pencapaian murid bagi kaum Kadazan dalam penulisan adalah di dalam kategori sederhana. Dalam kajian tersebut, guru yang memeriksa karangan murid melaporkan antara sebab pencapaian yang sederhana murid tidak memaparkan penulisan yang baik kerana tiada penggunaan ungkapan menarik dan tidak menunjukkan kematangan idea dalam penulisan. Penggunaan ungkapan menarik bermaksud penggunaan peribahasa, frasa menarik, kosa kata yang menarik dan lain-



lain. Terdapat empat golongan kata iaitu kata tugas, kata adjektif, kata kerja dan kata nama. Kata kerja dapat digolongkan kepada dua kumpulan iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Tambahan pula, struktur binaan ayat bahasa Kadazandusun dan bahasa Melayu adalah berbeza kerana bahasa Kadazandusun mengikut hukum Predikat-Subjek sementara bahasa Melayu menggunakan hukum Subjek-Predikat. Cabaran utama dalam pembelajaran bahasa Kadazandusun adalah apabila murid cenderung menyamakan struktur binaan ayat bahasa tersebut dengan bahasa Melayu. Justeru, dalam kajian ini aspek-aspek penting yang berkait dengan golongan kata khususnya kata kerja akan diperjelaskan bagi membantu murid memahami kata kerja dalam Bahasa Kadazandusun. Kekeliruan dan ketidakjelasan akan timbul sekiranya seseorang murid tidak memahami setiap kata kerja (*Boros Maan*) yang digunakan ketika membuat latihan di dalam bilik darjah kelak. Maka itu, bagi mengelakkan berlakunya masalah seperti ini dalam penyampaian mesej, amat penting untuk seseorang murid itu memahami terlebih dahulu makna bagi setiap kata tersebut. Hal ini tidak boleh dipandang remeh meskipun hanya melibatkan kata kerana penggunaan kata yang tidak tepat sedikit sebanyak boleh mempengaruhi sebahagian atau keseluruhan maksud ayat dan ini secara tidak langsung boleh mempengaruhi keputusan murid kelak dalam ujian mahu pun peperiksaan.

Tambahan pula, penguasaan kosa kata sangat penting dalam mempelajari sesuatu bahasa kerana dengan memiliki kosa kata yang mencukupi, seseorang pasti



akan mampu dan lancar berkomunikasi. Perbendaharaan kata merupakan syarat utama untuk seseorang boleh berkomunikasi sama ada secara lisan mahupun tulisan. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan pernyataan Che Radiah Mezah (2013) yang menyatakan memiliki perbendaharaan kata yang mencukupi dapat memberikan impak kepada kefahaman dalam bacaan, kepetahan bertutur dan kemahiran menulis kerana penguasaan bahasa sangat berkait rapat dengan jumlah kosa kata yang dikuasai. Kesimpulannya, kelemahan dalam menguasai kosa kata juga akan memberi kesan kepada kemahiran-kemahiran yang lain.

Menurut Ashinida (2012) hal ini akan menjadi faktor utama murid menjadi malu, takut serta kurang yakin dan dibendungi dengan perasaan kecewa sekiranya kesilapan dalam pertuturan bahasa berlaku. Antara masalah lain yang timbul berkaitan dengan perbendaharaan kata adalah penggunaan perbendaharaan kata yang tidak diperlukan dalam pertuturan, penggunaan perbendaharaan kata yang tidak betul dalam pertuturan serta meninggalkan perbendaharaan kata yang sepatutnya ada dalam struktur ayat tersebut (Azani, Azman & Mat Taib, 2012). Kelemahan murid dalam menguasai kosa kata juga berpunca daripada beberapa masalah.

Masalah seterusnya murid kurang berminat dan menjadi pasif ketika proses PdP Bahasa Kadazandusun dijalankan. Hal ini disokong oleh Che Mohd Noor dan Ahmad (2015) yang menyatakan murid kurang berminat untuk aktif dalam kelas disebabkan



guru yang masih menggunakan kaedah lama atau hanya membaca buku teks semata-mata dalam pengajarannya. Kajian ini selaras dengan kajian Mohamed Arip (2014) terhadap 12 orang pelajar yang ditemu ramah, mendapati bahawa faktor murid hilang tumpuan semasa proses PdP ialah gaya pembelajaran guru dan bahan bantu mengajar. Usaha kritis dan inovatif pengkaji dalam membangunkan dan mempratikkan aplikasi modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif akan menyelesaikan kekangan yang dihadapi oleh para murid tahun empat bagi pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Keistimewaan modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif ialah modul ini mampu menjadi medium komunikasi yang efektif kerana melalui audio, teks dan animasi yang pelbagai warna dan corak mampu dipaparkan di dalam sebuah skrin pada suatu masa yang sama berbanding penggunaan bahan-bahan statik. Dengan demikian pembelajaran murid akan menjadi lebih bermakna. Penggunaan teori kognitif dalam modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif ini juga akan dapat membantu murid membina pengetahuan mereka melalui pembelajaran yang disediakan dalam perisian dan memprosesnya untuk disimpan dalam ingatan jangka masa panjang.

Justeru, kajian ini dilakukan untuk cuba mengkaji kesan modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif terhadap kosa kata. Hal ini disebabkan pengintegrasian multimedia di dalam kelas lebih menarik dan bersifat lebih dinamik serta dapat menyampaikan maklumat dengan cepat selain dapat merangsang minda pelajar (Fariza, 2014). Oleh itu, selaras dengan kemajuan teknologi multimedia pada



masa kini, pendidik seharusnya tidak mensia-siakan peluang yang ada untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan menggunakan teknologi multimedia agar minat murid terhadap sesuatu mata pelajaran dapat dipupuk terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun.

1.4 Objektif Kajian

a) Menganalisis min pencapaian murid dalam kosa kata Bahasa Kadazandusun sebelum dan selepas modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

b) Mengenal pasti perbezaan min dan sisihan piawai pencapaian murid dalam kosa kata Bahasa Kadazandusun sebelum dan selepas modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.5 Soalan Kajian

- a) Apakah min pencapaian murid dalam kosa kata Bahasa Kadazandusun sebelum dan selepas modul pembelajaran berasaskan multimedia digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran?
- b) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan min pencapaian murid dalam kosa kata Bahasa Kadazandusun sebelum dan selepas modul pembelajaran berasaskan multimedia digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis adalah satu ramalan awal kepada satu kajian seperti mana yang dinyatakan dalam objektif kajian. Dalam objektif-objektif khusus dan soalan-soalan kajian, Hipotesis kajian ini dipaparkan dalam bentuk Hipotesis Nol (H_0). Kepentingan kajian ini adalah menguji kebenaran sama ada terdapat hubungan yang signifikan ataupun sebaliknya terhadap min pencapaian murid dalam kosa kata Bahasa Kadazandusun sebelum (ujian pra) dan selepas (ujian pasca) guru menggunakan modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks

kajian ini, aras signifikan yang digunakan untuk menguji hipotesis kajian ini ialah $p < 0.05$. Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

H01: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pencapaian murid dalam kosa kata Bahasa Kadazandusun sebelum dan selepas modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan kepentingan kepada beberapa pihak seperti:

1.7.1 Guru

Kajian yang dilaksanakan ini akan menambah bahan bantu mengajar para guru di dalam kelas khasnya untuk Bahasa Kadazandusun. Selain itu, ia membantu para guru menyampaikan ilmu pengetahuan dalam suasana yang menyeronokkan dan menarik serta berupaya merangsang minat murid untuk mempelajari Bahasa Kadazandusun. Tambahan pula, kajian ini berupaya

membantu guru untuk merancang aktiviti PdP yang sesuai dan menarik untuk dilaksanakan di dalam bilik darjah dengan menggunakan aplikasi multimedia agar dapat menarik perhatian murid serta dapat membantu murid memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru agar proses Pdp berjalan dengan lancar dan baik. Penggunaan modul pembelajaran berasaskan multimedia ini dapat membantu mengurangkan kos penyediaan lembaran nota serta menjimatkan masa guru untuk menyediakan bahan pengajaran. Melalui kajian ini juga, diharapkan guru menjadi lebih peka terhadap kepentingan menggunakan aplikasi multimedia dalam PdP Bahasa Kadazandusun kerana seiring dengan kemajuan ICT pada masa kini, guru seharusnya lebih kreatif mempelbagaikan kaedah pengajaran yang mampu memupuk minat pelajar dalam sesuatu mata pelajaran.

1.7.2 Sekolah

Kajian ini dapat membantu pihak pentadbir sekolah untuk meningkatkan mutu pendidikan di sekolah rendah dengan mempelbagaikan kaedah Pdp yang lebih menarik seperti menggunakan teknologi multimedia semasa proses PdP di dalam bilik darjah . Selain itu, pihak sekolah juga boleh membuat permohonan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) supaya merancang kursus-

kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan kemahiran guru-guru dalam menggunakan teknologi multimedia ini. Secara tidak langsung, penilaian ini dapat membantu pihak sekolah amnya dan negara kita khasnya untuk melahirkan seorang guru yang berkualiti dan pelajar yang bijak menggunakan aplikasi multimedia kelak selaras dengan wawasan 2020.

1.7.3 Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu dan melaksanakan sesuatu program kepada pihak sekolah agar kualiti pengajaran dan pembelajaran para pendidik menjadi lebih baik pada masa akan datang. Selain itu, dapat membantu KPM dalam usaha untuk mengubah sistem pendidikan selaras dengan perkembangan teknologi maklumat. Modul ini dijadikan sebagai platform pendekatan baru kepada teknik kaedah PdP guru dan murid dalam subjek Bahasa Kadazandusun.

1.7.4 Murid

Pembinaan bahan pembelajaran modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif ini akan membantu murid memperoleh gaya pembelajaran yang lengkap dengan aspek multimedia. Murid akan mengalami suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Selain itu, murid dapat memahami pembelajaran dengan lebih berkesan dan menarik dengan adanya penggabungan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Murid akan mudah memahami apa yang dipelajari dengan adanya elemen-elemen multimedia seperti teks, gambar, dan lain-lain.

1.7.5 Penggubal Kurikulum Bahasa Kadazandusun

Kurikulum pendidikan di Malaysia berperanan mengembangkan potensi murid dari segi intelek, jasmani, rohani, dan sosial dengan seimbang dan menyeluruh. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga penting kepada penggubal kurikulum Bahasa Kadazandusun kerana dengan adanya kajian tentang penggunaan teknologi multimedia dan perbandingannya dengan kaedah konvensional, para penggubal kurikulum boleh mengambil inisiatif untuk meningkatkan kualiti kurikulum yang digubal sesuai dengan pelaksanaan KBAT pada masa kini. Hal

ini kerana, melalui penggunaan teknologi multimedia juga murid akan lebih tertarik dan berasa seronok semasa proses PdP nanti. Ini turut disokong oleh Nur Aisyah (2012) yang menyatakan pendekatan pembelajaran berasaskan multimedia mampu memberikan kesan positif kepada murid dalam PdP mereka.

1.7.6 Kajian Lanjutan

Kajian ini juga penting untuk rujukan kepada pengkaji pada masa akan datang berkaitan dengan kepentingan penggunaan teknologi multimedia terutama sekali dalam PdP. Di samping itu, kajian ini juga akan memberi gambaran kepada isu kajian yang bakal dikaji oleh pengkaji seterusnya.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian




Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual yang diperlihatkan ini berkaitan dengan pencapaian murid dalam kosa kata yang perlu ditingkatkan. Kerangka yang dibina ini merupakan gambaran keseluruhan untuk kajian ini dijalankan dan perkaitan dengan elemen-elemen yang terlibat. Berdasarkan kerangka konseptual tersebut, terdapat dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar ialah pemboleh ubah yang dimodifikasikan. Manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah pemboleh ubah yang menerima kesan daripada hasil pendekatan yang digunakan. Pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini terdiri daripada modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif yang diukur dalam bentuk ujian.

Pemboleh ubah bersandar pula ialah pencapaian kosa kata. Bagi melaksanakan kajian ini, ia perlu dilakukan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan guru dan murid-murid. Dalam kajian ini juga, pengkaji ingin melihat pencapaian murid dalam kosa kata *Boros Maan* selepas menjalani sesi rawatan. Setelah itu, pengkaji akan menganalisis hasil kajian mengenai pencapaian murid dalam kosa kata sama ada terdapat peningkatan atau tidak.

1.9 Kerangka Teoretikal Kajian



Rajah 1.2. Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (Mayer, 2001) diadaptasi dari Abdul Hadi (2005).

Berdasarkan rajah 1.2 fasa-fasa teori kognitif pembelajaran Mayer. Maklumat yang dipapar menggunakan bentuk gambar dan perkataan disalurkan dari punca-punca luar

sebagai persembahan multimedia. Maklumat yang dilihat oleh mata seperti ilustrasi, video, grafik, animasi atau teks akan diproses di dalam saluran visual. Bagi maklumat yang didengari dari bunyi-bunyi bukan verbal dan berupa ulasan pula akan diproses di dalam saluran audio. Tambahan lagi, pembelajaran multimedia sebenarnya berlaku di ingatan kerja dan berfungsi dalam memaparkan sementara dan memanipulasikan pengetahuan dalam keadaan sedar. Seterusnya maklumat yang diproses di ingatan deria akan dihantar ke ingatan kerja dan hasilnya model-model verbal dan gambar yang terbentuk adalah output iaitu pengetahuan yang terbina di dalam ruangan ingatan kerja ini di mana ia telah melalui lima langkah yang terlibat iaitu memilih imej, memilih bunyi, menyusun imej, menyusun perkataan dan seterusnya menggabungkannya (Wittrock, 1989). Fasa terakhir ialah ingatan jangka panjang yang mampu menyimpan pengetahuan atau maklumat dalam jangka masa yang lama.

Berdasarkan kerangka teoritikal di atas, kajian ini menggunakan teori kognitif pembelajaran multimedia yang diasaskan oleh Mayer (2014). Teori kognitif merupakan kemahiran kognitif atau kemampuan seorang murid menyimpan dan mengingat semula maklumat dari memori jangka panjang berdasarkan keperluan. Oleh itu, penggunaan teori kognitif dalam kajian ini adalah untuk memastikan murid tahun empat dapat menyimpan dan mengingat segala maklumat berkaitan dengan kosa kata dalam memori jangka panjang mengikut keperluan.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada penggunaan kaedah quazi-eksperimen yang menggunakan set soalan ujian pra dan ujian pasca sebagai instrumen kajian bagi menilai pencapaian murid dalam kosa kata *Boros Maan*. Ujian yang diberikan tertakluk kepada peraturan dan arahan yang diberikan dalam prosedur pelaksanaan ujian pra dan ujian pasca. Selain itu, ujian pra dan ujian pasca ini akan dilaksanakan pada minggu pertama kajian dijalankan dan akan dikendalikan oleh guru pembantu yang telah dilantik oleh pengkaji. Pengkaji telah melantik guru pembantu bagi membantu pengkaji dalam kajian ini dan untuk mengelakkan bias semasa memungut data ketika ujian pra dan ujian pasca dijalankan.

Dalam kajian ini, pengkaji tidak membuat kajian yang melibatkan banyak sekolah. Oleh itu, kajian ini hanya terbatas kepada sebuah sekolah rendah di daerah Tambunan, Sabah berdasarkan justifikasi pengkaji bahawa sekolah ini mempunyai bilangan murid yang ramai berbangsa Dusun. Tambahan pula, pengkaji hanya memilih satu sekolah sahaja kerana pengkaji ingin mengetahui keberkesanan bahan pembelajaran ini sebelum dicadangkan untuk dilaksanakan di sekolah lain. Justifikasi pemilihan sekolah ini juga adalah disebabkan sekolah ini menjalankan kurikulum Bahasa Kadazandusun secara formal dan menawarkan mata pelajaran tersebut daripada tahun satu hingga tahun enam.

Fokus utama kajian ini menjurus kepada pencapaian murid dari aspek kosa kata *Boros Maan*. Sekolah ini mempunyai 300 orang murid dari pra sekolah hingga tahun enam. Namun, kajian ini hanya melibatkan murid tahun empat seramai 40 orang murid. Kesemua murid mempunyai tahap pembelajaran yang sama terutama sekali dalam Bahasa Kadazandusun. Murid-murid tersebut adalah murid berbangsa Dusun namun menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan harian.

Kajian ini juga terbatas kepada teori kognitif multimedia yang telah diperkenalkan oleh Mayer pada tahun 1990-an. Pengkaji membataskan penggunaan teori sebagai landasan kajian dan untuk melihat perkembangan kognitif murid berdasarkan tiga andaian utama bagaimana manusia belajar dalam konteks pembelajaran multimedia dan lima peringkat pembelajaran bermakna dalam persekitaran pembelajaran multimedia. Berdasarkan tiga andaian utama dan lima peringkat pembelajaran bermakna dalam teori ini, pengkaji dapat melihat pencapaian murid dalam kosa kata dengan menggunakan modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif.

Kajian ini terbatas kepada kosa kata *Boros Maan*. Justifikasi pemilihan *Boros Maan* adalah kerana ia dominan dalam kehidupan seharian manusia. Selain itu, kajian ini hanya dijalankan selama enam minggu kerana masa yang diperuntukkan bagi mata

pelajaran Bahasa Kadazandusun hanyalah dua waktu dalam seminggu. Keseluruhannya bagi mata pelajaran Bahasa Kadazandusun hanya 60 minit.

1.11 Definisi Operasional

1.11.1 Modul Boros Maan

Terdapat banyak definisi yang diutarakan oleh para sarjana pendidikan mengenai pengertian modul pembelajaran. Menurut Anwar (2010), modul pembelajaran merupakan bahan ajar yang disusun secara sistematik dan menarik yang mencakupi isi pembelajaran, kaedah dan evaluasi yang dapat digunakan secara mandiri untuk mencapai kapasiti yang diharapkan. Mayer (2014) mendefinisikan multimedia sebagai pembentangan kedua-dua perkataan dan gambar kepada murid bahasa. Berdasarkan definisi, perkataan mewakili apa-apa bahan yang dibentangkan dalam bentuk lisan seperti teks lisan atau bercetak, dan imej pula mewakili bahan visual statik atau dinamik seperti ilustrasi, graf, rajah, peta, animasi, atau video. Oleh itu, pembelajaran multimedia merujuk kepada “membina representasi mental dari perkataan dan gambar” (p.2). Daripada pandangan sarjana-sarjana di atas dapat dirumuskan bahawa, modul pembelajaran berasaskan multimedia merupakan pembelajaran interaktif di mana

modul pembelajaran tersebut digabungkan dengan multimedia. Dalam konteks kajian ini, modul pembelajaran berasaskan multimedia merupakan modul yang dibangunkan oleh pengkaji sendiri. Modul tersebut dibangunkan dengan gabungan pelbagai media seperti teks, audio, grafik, video dan animasi.

1.11.2 Pencapaian

Pencapaian merupakan proses mencapai sesuatu. Menurut Zulkarnain, Saim, dan Abd Talib (2006) dalam Ruziani (2017) pencapaian didefinisikan sebagai kejayaan atau kegagalan murid bagi satu-satu ujian, peperiksaan dalam sekolah atau peperiksaan piawai yang direka bentuk, ditadbir, diberi markah dan diinterpretasikan oleh pakar-pakar dalam bidang tersebut khasnya untuk penilaian di sesebuah negara. Dalam konteks kajian ini, pencapaian merujuk kepada markah yang diperoleh oleh murid dalam ujian pasca yang ditadbir di akhir kajian.

1.11.3 Kosa Kata

Kosa kata merupakan perbendaharaan kata yang harus dimiliki secukupnya dalam mempelajari sesuatu bahasa. Menurut Komachali dan Khodareza (2012), kosa kata

ditakrifkan sebagai sejumlah kata yang diketahui murid pada sebuah bahasa dan akan berkembang sejajar dengan bertambahnya usia sebagai alat komunikasi. Menurut Hornby (1995) dalam Boo. M.S (2013) pula mentakrifkan kosa kata sebagai jumlah perkataan yang dikuasai oleh seseorang dalam sesuatu bahasa. Menurut Mofareh (2015), kosa kata adalah jumlah kata-kata yang diperlukan untuk menyampaikan idea dan menyatakan makna pembicara. Dalam konteks kajian ini, kosa kata merujuk kepada *Boros Maan* (Kata Kerja) yang akan dipaparkan dalam modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif.

Kurikulum Bahasa Kadazandusun mula diperkenalkan pada tahun 1997. Bahasa Kadazandusun kini merupakan mata pelajaran yang diutamakan di peringkat sekolah rendah dan menengah di Sabah (Henry Bating, 2014). Dalam konteks kajian ini, kurikulum Bahasa Kadazandusun tahun empat digunakan di mana mata pelajaran Bahasa Kadazandusun ini dijalankan di peringkat sekolah rendah secara formal.



1.11.5 Ujian Pra

Menurut Adenan Ayob (2015) ujian pra merupakan bahan bercetak atau bahan bertulis atau terakam yang telah dihasilkan oleh guru untuk menguji sesuatu kemahiran bahasa. Dalam kajian ini, murid akan menduduki ujian pra. Ujian pra akan diberikan secara bertulis kepada setiap murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Tujuan ujian pra dijalankan adalah untuk mengetahui pemahaman yang dicapai oleh murid dalam kosa kata *Boros Maan* sebelum menggunakan modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif. Merujuk kajian ini, ujian pra akan dioperalisasikan dalam bentuk skor min dan sisihan piawai. Soalan ujian pra yang mengandungi soalan berkenaan dengan *Boros Maan* akan disediakan oleh pengkaji yang telah disesuaikan dengan tahap kebolehan murid. Manakala murid perlu menjawab soalan pra selama 30 minit.

1.11.6 Ujian Pasca

Ujian pasca pula ujian pencapaian yang akan diambil oleh murid selepas didedahkan dengan modul *Boros Maan* berasaskan multimedia interaktif. Dalam kajian ini, ujian pasca turut dioperalisasikan dalam bentuk skor min dan sisihan piawai. Jangka masa bagi murid untuk menjawab soalan ujian pasca ialah selama 30 minit.



1.12 Kesimpulan

Dengan kosa kata Bahasa Kadazandusun yang mencukupi, murid tidak akan mendapat kesulitan dalam mempelajari bahasa tersebut dalam bilik darjah kelak. Hal ini disebabkan, sekiranya murid tidak mampu menguasai kosa kata Bahasa Kadazandusun dengan baik pasti akan mendatangkan masalah kepada murid untuk memahami fungsi setiap kosa kata. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana peningkatan kosa kata murid tahun empat dalam Bahasa Kadazandusun berbantuan modul *Boros Maan* berasaskan multimedia selepas menjalani rawatan.

Pengintegrasian multimedia di dalam bilik darjah sememangnya akan membuat murid terhibur serta dengan perlahan-lahan akan memberikan mereka motivasi untuk mempelajari Bahasa Kadazandusun. Selain itu, murid dapat memberikan tumpuan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dan tidak akan berasa bosan semasa slot Bahasa Kadazandusun. Di samping itu, murid juga tidak berasa tertekan kerana guru mengamalkan teknik yang menarik dengan menggunakan teknologi multimedia. Tambahan pula, strategi pengajaran yang berkesan di dalam bilik darjah perlu dikaji agar dapat meningkatkan motivasi murid, dapat menerapkan sesuatu konsep secara berkesan kepada murid dan dapat menarik minat murid. Sehubungan itu, guru dan juga pihak sekolah perlu memberi penekanan terhadap penguasaan kosa kata Bahasa Kadazandusun meski pun mata pelajaran tersebut hanya merupakan mata pelajaran



elektif. Kaedah, strategi dan pendekatan yang menarik dan sesuai perlu diaplikasikan bagi memudahkan murid meningkatkan pencapaian kosa kata Bahasa Kadazandusun dengan mudah.

